

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA YB TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG
[SIBUTI]
TARIKH 15 MAC 2016
SOALAN**

YB Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapakah jumlah pemohon derma organ dan berapa lamakah tempoh menunggu bagi mendapatkan organ penderma tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga 31 Januari 2016, terdapat seramai 19,895 orang pesakit (pemohon derma organ) yang sedang berada di dalam senarai menunggu organ kebangsaan. Daripada jumlah ini, seramai 19,871 orang adalah pesakit buah pinggang, sepuluh (10) pesakit hepar, enam (6) pesakit jantung, tiga (3) pesakit pam-pam dan lima (5) pesakit jantung dan pam-pam.

Meskipun bilangan penderma organ di Malaysia semakin meningkat sejak dua (2) tahun kebelakangan ini, namun bilangannya masih kecil dan tidak dapat menampung keperluan pesakit yang semakin meningkat dengan drastik saban tahun. Pada tahun 2015, kadar pendermaan organ dan tisu di Malaysia telah meningkat kepada 1.0 pendermaan bagi setiap juta penduduk berbanding pada tahun 2007, kadar pendermaan adalah pada 0.6 pendermaan bagi setiap juta penduduk. Manakala pertambahan pesakit yang dicatatkan oleh senarai menunggu organ adalah sekitar 1,200 pesakit setiap tahun. Justeru, keadaan ini memberi kesan terhadap tempoh waktu menunggu organ bagi pesakit- pesakit tersebut.

Situasi ini juga menyebabkan ramai pesakit yang pergi ke luar negara seperti China dan India untuk menjalani pembedahan transplan. Walaubagaimanapun, amalan ini tidak digalakkan kerana identiti penderma sebenar tidak diketahui dan dikhuatiri melibatkan eksploitasi terhadap golongan dengan status sosioekonomi yang rendah. Ini adalah bertentangan dengan etika perubatan dan nilai-nilai kemanusiaan. Malaysia bersama 100 negara lain telah menandatangani "Declaration of Istanbul" pada tahun 2008 yang menolak sebarang amalan yang menjurus kepada pemerdagangan organ.

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sedang berusaha untuk mempertingkatkan lagi bilangan penderma organ di Malaysia dengan merangka Pelan Strategik Kempen Kesedaran Pendermaan Organ pada tahun 2012 bagi memperkasakan lagi liputan kempen yang dijalankan. KKM juga sedang berusaha untuk memperkukuhkan kapasiti anggota perubatan dalam proses mengenalpasti kes yang bersesuaian untuk pendermaan selain mempertingkatkan keberkesanan pengendalian kes bagi pendermaan organ.

KKM menyeru agar lebih ramai lagi rakyat Malaysia tampil untuk berikrar menderma organ dan menyokong kempen-kempan yang dijalankan. Dapatkan makluman yang tepat berkenaan pendermaan organ terutamanya berkenaan perpektif agama terhadap isu ini. Semua agama tidak menghalang amalan pendermaan organ kerana ia mampu menyelamatkan nyawa.

